

TEKNIK MNEMONIK SEBAGAI STRATEGI KOGNITIF DALAM MENINGKATKAN KEUPAYAAN INGATAN PELAJAR PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI BAGI PENGUASAAN BAHASA INGGERIS: SOROTAN KAJIAN LEPAS

Maizan Mat@Muhammad, Kalthom Husain, dan Marhaini Abdul Ghani
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
maizan@kuis.edu.my

Abstrak

Bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa kedua yang sukar untuk dikuasai oleh sesetengah pelajar. Kegagalan individu untuk menguasainya bukanlah disebabkan oleh ketidakupayaan kognitif mereka, tetapi lebih berpunca kepada pemilihan strategi kognitif yang mereka gunakan. Satu teknik yang berkesan dalam meningkatkan keupayaan ingatan individu adalah teknik mnemonik. Teknik ini menjadikan proses mengingat sesuatu akan lebih mudah. Mnemonik boleh membantu pelajar daripada pelbagai peringkat termasuk peringkat pengajian tinggi dan dalam penguasaan pelbagai bidang ilmu termasuk bidang Bahasa Inggeris. Antara teknik mnemonik yang biasa digunakan ialah kaedah *loci*, sistem kata kunci, teknik menghubungkan, teknik akronim dan teknik akrostik. Selain meningkatkan input ingatan, mnemonik juga mengurangkan tekanan minda dan membantu meluaskan skop ingatan dalam kadar yang maksima. Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa kemampuan ingatan sebenarnya dapat ditingkatkan, minda manusia dapat mengingat sesuatu lebih banyak daripada yang dijangkakan. Pemilihan strategi kognitif yang tepat akan dapat memaksimumkan keupayaan ingatan termasuklah dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

Kata kunci: Bahasa Inggeris, strategi kognitif, teknik mnemonik, pelajar pengajian tinggi

1.0 PENGENALAN

Bahasa Inggeris merupakan satu medium yang dalam penguasaan banyak bidang ilmu, selain menjadi faktor kepada pencapaian hasrat kerajaan untuk memajukan negara supaya setanding dengan negara-negara maju yang lain. Penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris hendaklah diberi perhatian kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas. Malah, penggunaan Bahasa Inggeris juga diperhebatkan di universiti-universiti tempatan dalam proses pembelajaran. Sebagaimana semua maklum, menjadi keperluan bagi seorang pelajar untuk mengingat pelbagai fakta dalam penguasaan sesuatu ilmu, sama ada ilmu bahasa, matematik, sejarah dan sebagainya, termasuklah Bahasa Inggeris. Kegagalan individu untuk menguasai sesuatu ilmu bukanlah disebabkan oleh ketidakupayaan kognitif mereka, tetapi lebih berpunca kepada pemilihan strategi kognitif yang mereka gunakan. Antara faktor kegagalan dalam penguasaan ilmu adalah penggunaan teknik atau strategi kognitif yang tidak sesuai. Selain daripada itu, sikap malas untuk mencuba teknik-teknik yang membantu ingatan juga merupakan salah satu sebab mengapa ramai mempunyai tahap ingatan yang lemah. Satu teknik yang berkesan dalam meningkatkan keupayaan ingatan individu adalah teknik mnemonik. Teknik ini menjadikan proses mengingat sesuatu akan lebih mudah. Mnemonik menggunakan prinsip asosiasi, iaitu informasi yang ingin diingat dikaitkan dengan informasi yang lain yang mudah diingat. Ia memacu ingatan untuk mengingat fakta-fakta dengan mengaitkannya dengan maklumat dan

data sedia ada yang lebih ringkas dan mudah. Mnemonik boleh menangkap maklumat dalam bentuk yang mudah untuk diingat bagi membantu seseorang itu mengingat sesuatu yang penting. Mnemonik boleh membantu pelajar daripada pelbagai peringkat sama ada pra sekolah, sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi untuk lebih cepat mengingat semua maklumat yang sering digunakan dan maklumat yang diperlukan segera. Jenis mnemonik yang digunakan adalah berbagai-bagai, bergantung kepada individu yang berbeza-beza antara satu sama lain. Lain orang mempunyai lain cara atau kaedah untuk mengingat sesuatu maklumat. Apa yang penting ialah setiap orang perlu menggunakan kaedah mnemonik yang bersesuaian dengan mereka dan dapat berfungsi dengan baik. Antara teknik mnemonik yang biasa digunakan ialah kaedah *loci*, sistem kata kunci, *chunking*, teknik akronim dan teknik akrostik. Selain daripada memudahkan ingatan, teknik ini sangat membantu mengingat fakta-fakta yang banyak dan rumit serta meningkatkan input ingatan, mengurangkan tekanan minda dan membantu meluaskan skop ingatan dalam kadar yang maksima. Teknik ini menunjukkan bahawa kemampuan ingatan sebenarnya dapat ditingkatkan, minda dapat mengingat sesuatu lebih banyak daripada yang dijangkakan serta dengan menggunakan teknik yang sesuai akan memudahkan proses ingatan. Justeru, kegunaan teknik mnemonik pada masa sekarang dan akan datang sangat diperlukan terutama kepada pelajar yang perlu mengingat pelbagai fakta penting.

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 Definisi Pelajar Pengajian Tinggi

Istilah pelajar atau murid merujuk kepada sesiapa yang sedang atau dalam keadaan belajar. Pusat Pengajian Tinggi termasuk kolej atau universiti pula merujuk kepada sebuah institusi pendidikan tinggi dan pengkajian yang menganugerahkan ijazah akademik di pelbagai peringkat dan bidang.

Bentuk pengajian peringkat tinggi ini adalah berbeza dengan pengajian peringkat menengah. Dalam penulisan ini, pelajar pengajian tinggi merujuk kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Kumpulan pelajar ini perlu dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran belajar yang asas sebagai alat dan strategi supaya dapat menjalani dan menepati cabaran pengajian diploma atau sarjana muda yang mencabar. Kemahiran asas tersebut termasuklah kemahiran untuk meningkatkan daya ingatan. Ini kerana bentuk kurikulum di peringkat pengajian tinggi kebanyakannya merangkumi fakta dan teori yang harus diingat serta dikuasai.

2.2 Definisi Strategi Kognitif

Strategi kognitif merujuk kepada kaedah-kaedah spesifik yang digunakan oleh manusia untuk menyelesaikan masalah, termasuk semua aktiviti mental berkaitan membuat keputusan, merancang, aritmetik, dan sebagainya. Apa yang penting, strategi kognitif mungkin tidak berkaitan secara langsung dengan “semua yang ada dalam kepala”, tetapi kebanyakannya sering berhubung dengan pelbagai aspek yang dipanggil sebagai “konteks pelaksanaan kepada suatu perancangan”.

2.3 Definisi Kaedah Mnemonik

Perkataan mnemonik (*mnemonic*) adalah daripada perkataan Greek yang bermaksud ‘untuk mengingat’. Mnemonik telah mula digunakan sejak lebih seribu tahun yang lalu oleh Yunani

dan Rom. Bangsa Yunani kuno terlalu memuja kemampuan ingatan sehingga mereka mempunyai dewa yang bernama Mnemosyne, bermaksud "berfikir dengan teliti". Pelbagai strategi ingatan dirancang oleh mereka untuk membantu mengingat maklumat, bertujuan menarik perhatian pendengar ketika berpidato atau berdebat di Senat. Perkataan mnemonik moden merujuk kepada teknik memacu ingatan untuk mengingat fakta-fakta dengan mengaitkannya dengan maklumat dan data sedia ada yang lebih ringkas dan mudah.

3.0 JENIS KAEDAH MNEMONIK

3.1 Teknik *Loci*

Loci bermaksud lokasi adalah teknik mnemonik yang berfungsi dengan mengasosiasikan tempat-tempat atau benda-benda di lokasi yang dikenal dengan hal-hal yang ingin diingat. Contohnya kita akan membuat pembentangan yang mengandungi tiga topik utama. Setiap bahagian pembentangan akan dihubungkan dengan penanda yang mewakili turutan isi pembentangan. Contohnya, kita cuba bayangkan sebuah ruangan kelas. Pasu bunga yang ada di sudut ruangan kelas adalah benda pertama yang kita lihat ketika bergerak ke depan. Kita memilih pasu bunga itu untuk mengingatkan kita pada ucapan selamat pada pensyarah dan rakan-rakan yang berada dalam kelas. Lampu-lampu yang ada dalam kelas pula dipilih untuk mengingatkan kita pada topik selanjutnya atau isi-isi ucapan, dan mungkin pintu kelas dipilih untuk mengingatkan bahagian penutup pembentangan yang akan kita sampaikan.

Apabila kita ingin menggunakan teknik ini, kita perlu pilih tempat yang sangat dekat dengan diri kita seperti rumah, kereta, pejabat atau sebagainya. Contoh lain, andai kita ingin mengingat senarai barangan dapur yang ingin dibeli yang terdiri dari sos tomato, bawang, pisang, dan kicap. Kita tahu bahawa kita akan pulang ke rumah dengan memandu kereta. Luangkan masa kita untuk membayangkan ini. Botol sos tomato pecah dan berselerakan dalam bonet kereta, kita menutup bonet dengan kuat dan sos tomato memancut keluar. Bawang pula bergantung pada cermin tingkap kereta, pisang melompat ke luar dari radio kereta, dan kicap pula habis tumpah atas kusyen kereta.

Kini, ketika kita memasuki kereta untuk pulang dari tempat kerja dan ingin mengingat apa yang harus dibeli, kita hanya perlu melihat bonet kereta, dan yang lain-lainnya akan muncul kembali dalam bayangan kita. Semakin pelik dan unik imaginasi kita, semakin mudah untuk kita mengingatnya.

3.2 Teknik Kata Kunci

Teknik mnemonik ini telah digunakan orang selama bertahun-tahun, terutama untuk mengingat kata-kata bahasa asing dan konsep abstrak. Teknik ini adalah asosiasi lain yang mengaitkan secara verbal dan visual kata yang hampir sama dengan kata atau konsep yang harus diingat. Contohnya untuk mengingat kata muallimah (guru perempuan) dalam bahasa Arab kita mengasosiasikannya dengan kata Mak Limah kerana kata itu mudah kita ingat. Contoh lain, untuk mengingat makna kata hiperbola (suka berlebihan dalam menceritakan sesuatu), cuba bayangkan seorang *keeper* yang tidak dapat menangkap bola yang melambung terlampau tinggi.

Begitu juga dalam mempelajari bahasa asing, teknik mnemonik sangat membantu mengingat perkataan baru dan maknanya. Sebagai contoh, bagi mengingat perkataan pintu, cermin dan memukul dalam bahasa Arab adalah dengan menggunakan perkataan yang sama bunyinya dengan bahasa Melayu. Jadi pintu (baa-bun) sama bunyinya dengan haiwan babun (babun di pintu), cermin (mer-ah) sama bunyi dengan merah (cermin warna merah) dan

memukul (doroba) sama bunyinya dengan nama pemain bola sepak Drogba (Drogba memukul pemain bola).

3.3 Teknik Kata Penghubung

Menghubungkan adalah proses mengaitkan atau mengasosiasikan satu kata dengan kata yang lain melalui sebuah aksi atau gambaran. Strategi ini biasa digunakan dengan sistem kata penanda untuk mengingatkan serangkaian informasi dalam urutan tertentu. Dengan strategi kata penanda yang telah diajarkan tadi, misalnya nombor telefon 019-441 0467 dapat diingat dengan dihubungkan dengan (4) roda kereta rosak ditarik oleh lori besar yang juga beroda (4) sampai di sebuah selekoh yang ada (1) pokok besar sebelah rumah yang kosong (0). Lori besar beroda (4) itu membawa telur setengah dozen (6) untuk makan selama seminggu (7). Atau anda ingin menyederhanakan proses mengingatnya dengan mengkombinasikan nombor dalam beberapa unit, sehingga nombor itu dapat diingat dengan lebih mudah. Kunci dalam membuat hubungan adalah menggunakan imaginasi. Hubungan yang dibentuk tidak perlu logik atau realistik, yang penting hubungan itu memicu ingatan anda.

3.4 Akronim

Akronim adalah satu kata yang terhasil daripada huruf pertama dari serangkaian kata. Salah satu akronim yang terkenal adalah NASA, badan ruang angkasa Amerika Syarikat, singkatan dari *National Aeronautics and Space Administration*. Nama-nama organisasi sering dipendekkan dalam bentuk akronim, contohnya KUIS akronim dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Akronim ada masanya menggunakan huruf kedua (biasanya huruf vokal) agar singkatan lebih mudah dibaca tetapi akronim tidak harus selalu membentuk kata. Gunakan imaginasi kita sekiranya kita perlu mengingat lima perkara yang perlu kita lakukan apabila pulang ke rumah (contohnya, cuci baju, mandi, memasak, solat, dan baca Quran). Secara automatik, kita akan dapat memicu ingatan kita dengan membuat akronim BM2-SQ.

Dalam pengajian Islam contohnya, bagi mengingat rukun nikah yang terdiri daripada Suami, Isteri, Saksi, Wali dan Akad boleh disingkatkan menggunakan kaedah akronim SISWA.

3.5 Akrostik

Akrostik seperti akronim, juga menggunakan huruf-huruf kunci untuk membuat konsep abstrak lebih konkrit, sehingga mudah diingat. Namun, akrostik tidak selalu menggunakan huruf pertama dan tidak selalu menghasilkan singkatan dalam bentuk satu kata, informasi yang diingat dalam akrostik dapat berbentuk perkataan atau frasa tertentu. Contohnya untuk mengingat urutan warna-warni pelangi digunakan akrostik mamat jual kacang hijau banyak ia untung : merah, jingga, kuning, hijau, biru, indigo, ungu. Contoh lain kita dapat mengingat huruf-huruf Qalqalah dalam pelajaran tajwid membaca al-Quran dengan membuat akronim “baju di toko” (ba, Jim, Dal, Tho, Qof).

Sebagai contoh mudah, dalam mengingat urutan ukuran panjang dalam sistem metrik, kita boleh menggunakan teknik mnemonik dengan menggunakan ayat; Maka Cina Dengan Melayu Duduk Hampir Kilang. Ini adalah teknik akrostik bagi urutan ukuran metrik: Milimeter, Centimeter, Decimeter, Meter, Decameter, Hektometer dan Kilometer.

Satu contoh lain yang selalu digunakan adalah apabila kita menghafal warna pelangi; Mamat Jual Kacang Hijau Banyak Ia Untung yang mana mewakili warna Merah, Jingga, Kuning, Hijau, Biru, Indigo, Ungu.

4.0 PRINSIP ASAS TEKNIK MNEMONIK

Penggunaan teknik mnemonik dapat meningkatkan daya ingatan individu dengan hanya menambah sedikit sahaja usaha. Dalam melaksanakan teknik mnemonik, beberapa prinsip asas perlu diberi perhatian iaitu:

- (a) *Penggunaan imej mental.* Mengingati gambar visual adalah lebih mudah berbanding mengingati perkataan. Jadi kita perlu ubah informasi kepada imej mental untuk senang dingati.
- (b) *Jadikan perkara tersebut bermakna.* Dengan menjadikan sesuatu perkara yang ingin diingat itu sebagai sesuatu yang bermakna, ia dapat memindahkan informasi daripada ingatan jangka pendek ke ingatan jangka panjang. Jika kita ingin mengingati sesuatu tetapi perkara itu tidak memberi makna kepada kita, maka kita perlulah memberi ia makna supaya ia senang diingat.
- (c) *Menjadikan informasi sesuatu yang biasa.* Hubungkan informasi dengan sesuatu yang telah kita ketahui.
- (d) *Bentuk asosiasi mental yang ganjil, luar biasa dan yang ditokok tambah.* Imej-imej yang ganjil akan menjadikan informasi yang ingin diingat itu terserlah dan mudah diingat.

5.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Nurul Najwa Ahmad Yalani dan Noor Raudhiah binti Abu Bakar (2016) telah mengkaji tentang faktor penentu kepada tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Selangor. Kajian ini memberi fokus kepada faktor dalaman (minat dan sikap) dan faktor luaran (keluarga, rakan sebaya dan persekitaran). Hasil kajian mendapati bahawa semua faktor ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar di institusi pengajian swasta tersebut. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa semua pihak perlu bekerjasama ke arah meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris. Di sini, boleh difahami bahawa strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar juga boleh dirangkumkan dalam faktor dalaman.

Radha Nambiar, Noraini Ibrahim dan Pramela Krish (2008) dalam kajian tentang penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah menjelaskan bahawa kemerosotan pencapaian dan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar adalah kerana penggunaan strategi pembelajaran yang tidak memberangsangkan. Strategi-strategi yang popular merupakan strategi yang tidak memerlukan pertimbangan dan pemikiran yang analitis. Antara strategi pembelajaran yang popular adalah strategi memori, di mana pelajar membaca semula teks dan strategi kognitif, iaitu menggunakan kamus dan berfikir dalam Bahasa Melayu untuk memahami teks Bahasa Inggeris.

Mohd Riduan Masri (2016) telah melakukan satu kajian tindakan dengan tujuan untuk mengenalpasti strategi yang boleh digunakan oleh pelajar untuk meningkatkan prestasi mata pelajaran Pendidikan Moral para pelajar Tingkatan Lima di sekolah Menengah Kebangsaan Medamit, Limbang, Sarawak. Dalam kajian ini, teknik mnemonik yang digunakan adalah teknik akronim. Hasilnya, pelajar telah menunjukkan prestasi yang lebih baik terutama dalam proses mengingati nilai-nilai dalam matapelajaran tersebut. Minat dan kesungguhan pelajar juga dilaporkan meningkat.

Tang Geok Ling (2005) telah melaksanakan satu kajian tindakan yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pelajar Tingkatan 1 Amanah SMK Engkilili dalam mengingati fakta-fakta Sejarah dengan menggunakan kaedah mnemonik. Dalam kajian

tersebut, pengkaji telah mengumpul data melalui beberapa cara, antaranya seperti temu bual dengan enam orang pelajar, merujuk catatan diari pengkaji sendiri, menganalisis catatan murid, berbincang dengan guru Sejarah lain dan membuat pemerhatian terhadap pelajar semasa proses pelaksanaan kaedah mnemonik. Pengkaji telah melaksanakan kaedah mnemonik dalam dua peringkat. Peringkat pertama, melibatkan pengenalan kaedah mnemonik dan dilaksanakan secara individu mana kala pada peringkat kedua pula, kaedah ini dilaksanakan secara berkumpulan. Kajian ini pada akhirnya mendapati bahawa kaedah mnemonik dapat membantu murid-murid mengingat fakta Sejarah dengan lebih berkesan dan memudahkan mereka membuat ulang kaji. Di samping itu, daya kreativiti pelajar juga dapat dicungkil.

Mohd Romei Ngah, Harun Baharudin dan Mohd Aderi Che Noh (2016) dalam kajian yang bertajuk Teknik Pembelajaran Mnemonik Dalam Pendidikan Islam Tingkatan Empat menjelaskan bahawa masalah mengingat menjadi cabaran utama untuk menguasai topik yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Empat kerana mengandungi fakta-fakta yang memerlukan gaya pembelajaran yang sesuai bagi menguatkan daya ingatan. Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk melihat penggunaan Teknik Pembelajaran Mnemonik bagi meningkatkan daya ingatan dan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Empat. Teknik Mnemonik yang diterapkan dalam kajian ini adalah teknik akronim, teknik kata kunci, teknik *loci*, teknik akrostik, dan teknik pasak. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa teknik mnemonik memberi pelajar suatu teknik yang diperlukan untuk menyusun maklumat lebih baik dan mudah serta mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan informasi pada bila-bila masa yang diperlukan. Oleh hal yang demikian, teknik yang berkaitan mnemonik adalah penting untuk dijalankan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Hasil penulisan ini menunjukkan bahawa teknik mnemonik memberi kesan kepada pembelajaran pelajar dan boleh dijadikan alternatif kepada guru untuk mengaplikasikannya di dalam kelas. Teknik pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah perlu dikaji supaya ia dapat menarik minat pelajar, meningkatkan motivasi pelajar, meningkatkan keyakinan diri pelajar, dapat menerapkan sesuatu konsep secara berkesan kepada pelajar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan.

Khairulnaimah Binti Yahya telah menjalankan satu kajian tindakan untuk meningkatkan pencapaian murid tahun 6 Marikh menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik. Subjek kajian terdiri daripada 5 orang murid tahun 6 Marikh yang mengalami masalah dalam mengingat faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian. Data dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian dan temubual. Hasil analisis data ujian mendapati peratusan markah subjek kajian telah meningkat secara signifikan iaitu 4 orang mendapat markah penuh 100% dan seorang subjek mendapat 92.30%. Hasil dapatan temubual dan pemerhatian pula menunjukkan kaedah mnemonik akrostik ini membantu subjek kajian menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pertanian. Keputusan kajian menunjukkan kaedah mnemonik akrostik dapat meningkatkan pencapaian murid tahun 6 Marikh dalam menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

Latifah, Siti Nurul Aini (2015) dalam kajiannya pula telah membuat penelitian tentang tiga perkara; 1) untuk mengetahui seberapa jauh pemerolehan jumlah kosakata bahasa Arab siswa kelas VIII di MT.s Walisongo Sugihwaras Bojonegoro, 2) untuk mengetahui penerapan strategi mnemonik dalam meningkatkan pemerolehan jumlah kosakata bahasa Arab pada siswa kelas VIII di MT.s. Walisongo Sugihwaras Bojonegoro dan, 3) untuk mengetahui keberkesanan strategi mnemonik dalam meningkatkan pemerolehan jumlah kosakata bahasa Arab padasiswa kelas VIII di MT.s. Walisongo Sugihwaras Bojonegoro.

Dalam menjawab pertanyaan tersebut pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan aplikasi t-test. Manakala kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data pula termasuklah kaedah pemerhatian, temubual, dokumentasi, ujian dan analisis data. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dalam pemerolehan jumlah kosakata bahasa Arab siswa kelas VIII di MT.s Walisingo, Sugihwaras Bojonegoro dengan menggunakan strategi mnemonik.

Khoirunnisa, Annisa Siti (2015) dalam kajian yang berikutnya sekali lagi telah memberi fokus terhadap keberkesanan teknik mnemonik dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab siswa pada kelas XI IPA Madrasah Aliyah Negeri 1 Bandung tahun pengajian 2013/2014. Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah Kuasi-eksperimen, dengan rekabentuk *Non-Equivalent Control Group Design*. Pengkaji menetapkan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan masing-masing 30 orang. Seterusnya, kumpulan eksperimen diberikan intervensi (*treatment*) iaitu penggunaan teknik mnemonik, sementara kumpulan kawalan tidak dilaksanakan teknik yang sama. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh yang positif dan signifikan pada kemampuan mengingat kosakata dengan menggunakan teknik mnemonik. Antara cadangan kajian ini adalah para pelajar perlulah lebih hati-hati dalam pemilihan strategi kognitif yang dapat digunakan untuk pembelajaran kosakata bahasa Arab. Manakala para pendidik pula perlulah lebih berinovatif dalam proses pengajaran kosakata bahasa Arab.

6.0 PENUTUP

Satu daripada kelebihan manusia yang menakjubkan adalah ingatan. Manusia boleh mengingat kembali apa yang berlaku terhadap diri mereka walaupun perkara itu telah lama berlaku. Ingatan merupakan suatu proses biologi, iaitu informasi yang diberi kod, disimpan serta dipanggil kembali. Oleh kerana ingatan merupakan suatu proses, maka mungkin saja terjadi, proses tersebut berlaku secara baik, dan dapat pula terjadi proses tersebut mengalami gangguan sehingga berproses kurang optimal. Keluhan yang sering dikemukakan oleh ramai pelajar bahawa “saya adalah orang bodoh, tidak memiliki kemampuan, dan daya ingat saya lemah” tentunya sangat berbeza dengan kapasiti penyimpanan maklumat yang sesungguhnya kita miliki. Kita sebagai manusia mempunyai otak yang memiliki kehebatan luar biasa bahkan melebihi komputer. Akan tetapi terkadang kita tidak tahu bagaimana memanfaatkan kehebatan otak tersebut, terutama dalam mengingat sesuatu.

Kemampuan kita mengingat sesuatu sesungguhnya luar biasa, tetapi mungkin terdapat beberapa faktor yang membuat proses itu terganggu. Faktor yang mempengaruhi kemampuan kita dalam mengingat sesuatu adalah seberapa besar minat kita terhadap informasi yang mahu diingat tersebut, kemudian konsentrasi dalam mengingat, serta keadaan psikologi kita. Agar proses mengingat kita dapat berjalan dengan baik, maka kita harus memperhatikan faktor-faktor tersebut. Selain itu, strategi kognitif yang kita pilih juga menjadi faktor penyumbang yang juga penting dalam proses mengingat sesuatu maklumat.

Hal yang sangat penting harus kita perhatikan dalam mengingat sesuatu adalah penggunaan teknik yang dapat mempermudah kita mengingat sesuatu, misalnya teknik mnemonik seperti teknik *loci*, kata kunci, akronim, akrostik, serta kata penghubung. Menggunakan teknik mnemonik dalam mengingat suatu informasi memiliki banyak kelebihan, waktu yang diperlukan untuk mengingat lebih singkat serta ingatan tersebut akan tersimpan dalam ingatan jangka panjang kita. Membiasakan penggunaan teknik mnemonik dalam kehidupan kita sehari-hari mungkin akan membuat kita menyedari tentang kehebatan minda kita.

Berdasarkan perbincangan ini, dapatlah disimpulkan bahawa kaedah mnemonik boleh digunakan sebagai satu kaedah atau teknik pengajaran bagi pensyarah di institusi pengajian tinggi dan pembelajaran pelajar, terutama bagi penguasaan bahasa kedua seperti bahasa Inggeris. Penggunaan teknik ini tidak terbatas kepada mana-mana mata pelajaran atau kursus pengajian, cuma perlu inovasi dan kreativiti pensyarah itu sendiri. Kesesuaian kaedah ini lebih bermakna jika pensyarah dan pelajar itu sendiri mempunyai kreativiti yang tinggi dalam membentuk sesuatu rangkai kata. Diharap dengan cara ini, pengajaran dan pembelajaran dalam kelas akan menjadi lebih mudah dan menarik. Ini amat relevan dengan kondisi pelajar sekarang dan masa hadapan yang memerlukan bentuk pengajaran dan pembelajaran yang mudah tanpa menjejaskan objektif pengajaran dan pembelajaran

7.0 BIBLIOGRAFI

- Asmawati Desa, Getrude Cosmos, Mariny Abdul Ghani, Siti Rozaina Kamsani, Noor Aniza Ishak, Nabisah Ibrahim dan Mohd Makzan Musa. 2015. *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: SJ Learning.
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya dan Fawziah Yahya. 2005. *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ciccarelli, S. K. & White, J. N. 2012. *Psychology* (third edition). Prentice Hall: Nerw Jersey
- Khairulnaimah Binti Yahya. 2014. *Meningkatkan pencapaian murid tahun 6 marikh dalam meneyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian dalam kajian tempatan menggunakan kaedah mnemonik akrostik*. Dalam Seminar Penyelidikan Tindakan 2014 jld2-3.
- Khoirunnisa, Annisa Siti. 2015. *Efektivitas mnemonik dalam meningkatkan kemampuan siswa terhadap penguasaan kosakata bahasa arab: studi kuasi eksperimen terhadap siswa kelas 11 IPA Madrasah Aliyah Negeri 1 Bandung*. S1 thesis, Universitas Pendidikan Indonesia.
- Latifah, Siti Nurul Aini. 2015. *Efektivitas Strategi Mnemonic untuk Meningkatkan Daya Hafal Kosakata Bahasa Arab pada Kelas VIII di MT.s. Walisongo Sugihwaras Bojonegoro*. Undergraduate thesis, UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah. 2008. *Psikologi* (edisi ketiga). McGraw-Hill (Malaysia): Malaysia.
- Mohammad Amiryousefr dan Saed Ketabi. 2011. *Mnemonic Instruction: A Way To Boost Vocabulary Learning And Recall*. Journal Of Language Learning And Research, pp 78-182.
- Mohd Riduan Masri. 2016. *Aplikasi kaedah mnemonik dalam membantu meningkatkan pencapaian pendidikan moral pelajar tingkatan lima*. SMK Medamit's Action Research. Sarawak.
- Mohd Romei Ngah, Harun Baharudin & Mohd Aderi Che Noh. 2016. *Teknik pembelajaran Mnemonik dalam Pendidikan islam tingkatan empat*. Dalam Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11 2016, 16 November 2016. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor, 1161-1171.
- Nurul najwa Ahmad Yalani dan Noor Raudhiah binti Abu Bakar, *Faktor penentu tahap penguasaan bahasa Inggeris: Kajian di sebuah IPTS Selangor*. 2016. Proceeding of 3rd International Conference on Management & Muamalah (3rd ICOMM). KUIS.
- Tang Geok Ling. 2005. "Meningkatkan keupayaan pelajar mengingat fakta sejarah dengan menggunakan kaedah mneumonik." Dalam Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan tahun 2005, 3-4 Oktober 2005. Pejabat Pelajaran Gabungan Bahagian Sri Aman dan MP Batu Lintang, Kuching Sarawak, 97-107.

- Radha Nambiar, Noraini Ibrahim & Pramela Krish. 2008. *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan dua*. Jurnal e-Bangi-Jurnal Elektronik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Jilid 3, Bilangan 3, Januari-Disember 2008. UKM.
- Zainuddin Abu Bakar & Dayang Rozina binti Abang Madni, *Penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam di Fakulti Kejuruteraan Awam UITM, Sarawak*.